

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**DR. AZMAN BIN ISMAIL** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat membuat satu akta khusus bagi pengawalan dan penanaman ketum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, aktiviti penanaman ketum tidak dikawal di bawah undang-undang sedia ada. Namun, *mitragynine* iaitu alkaloid yang terdapat di dalam ketum telah dikawal di bawah Akta Racun 1952 sebagai racun dan bahan psikotropik sejak tahun 2003. Sehubungan itu, segala aktiviti pengendaliannya seperti pengimportan, pengeksportan, pengilangan, penyebatian, pencampuran, penjualan, pembekalan, pemilikan dan penggunaannya adalah dikawal sepenuhnya di bawah Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989. Sebarang pelanggaran kepada akta dan peraturan tersebut merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM10,000 atau penjara 4 tahun atau kedua-duanya sekali.

2. Kementerian Kesihatan pernah mencadangkan untuk memperuntukkan kawalan tumbuhan psikoaktif seperti ketum di bawah Akta Racun 1952 melalui Rang Undang-Undang (RUU) Racun (Pindaan) 2019. Namun, RUU ini telah ditarik balik daripada pembentangan di

Parlimen setelah mengambil kira bahawa perbincangan lanjut diperlukan untuk memperhalusi cadangan kawalannya merangkumi aspek penguatkuasaan, kajian saintifik dan komersial.

3. Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-undang (JPU) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Dalam Negeri melalui mesyuarat Bil. 1/2020 pada 21 Julai 2020 telah memutuskan untuk menangguhkan cadangan kawalan tumbuhan ketum di bawah Akta Racun 1952 untuk memberi ruang kepada penubuhan dua jawatankuasa teknikal iaitu Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang (yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan) dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Saintifik dan Komersial (yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan) bagi mengkaji kawalan ketum. Perbincangan dalam kedua-dua Jawatankuasa masih sedang dijalankan. Sehubungan itu, kawalan penanaman ketum masih belum dapat dimuktamadkan, termasuk sama ada akta khusus diwujudkan atau mengawal di bawah Akta Racun 1952. Untuk makluman, JPU ditubuhkan sebagai salah satu jentera pelaksana kepada Jawatankuasa Kabinet Membanteras Dadah (JKMD) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.